

5 kawasan di Shah Alam banjir

Penduduk dakwa parit tak diselenggara ikut jadual punca air limpahi jalan

Oleh Hamid Karim
bhnews@bharian.com.my

● HAMID KARIM | BERITA HARIAN

SHAH ALAM: Sekurang-kurangnya lima kawasan rendah membabitkan jalan dan kediaman di sekitar Seksyen 30, 31 dan 32 di sini, dinaiki air sejak kelmarin akibat hujan lebat beberapa jam tanpa henti.

Tinjauan mendapati, antara kawasan teruk dinaiki air ialah di Jalan Ehsan, Taman Greenville serta Taman Berjaya, bersebelahan Seksyen 31 di Kota Kemuning dan Kampung Jalan Kebun.

Kedadaan itu menyebabkan beberapa pemandu yang dalam perjalanan pulang kerja, terpaksa berpatah balik untuk mencari laluan lain.

Kesesakan teruk juga berlaku di beberapa laluan utama dari Shah Alam ke Banting melalui Seksyen 31 dan 30 terutama pada waktu petang sejak kelmarin akibat banjir kilat.

Walaupun banjir kilat di Jalan Ehsan dan di padang Taman Greenville serta beberapa kediaman di kawasan rendah di Taman Berjaya surut beberapa jam kemudian, penduduk mendakwa sistem perparitan tidak sempurna menjadi penyumbang utama bencana itu, selain selain faktor hujan lebat di luar jangka.

Mekanik, Rahman Ismail, 50, berharap pihak berkaitan bertindak segera mengatasi masalah seperti



PENGGUNA meredah banjir kilat di Jalan Ehsan, antara kawasan terjejas teruk akibat hujan lebat sejak kebelakangan ini.

parit tersumbat bagi mengelak banjir kilat berulang terutama ketika musim tengkujuh sekarang.

“Sebagai contoh, parit berhampiran Jalan Ehsan dipenuhi rumput akibat sudah lama tidak diselenggara secara berjadual seperti sebelum ini. Ia menyebabkan air melimpah ke jalan berdekatan dan memaksa pemandu berpatah balik.

“Semua pihak mesti memandang

serius keadaan ini kerana sejak akhir-akhir ini, hujan lebat tanpa henti secara luar biasa. Di padang permainan berdekatan Taman Berjaya pula, air memenuhi separuh padang berkenaan kerana struktur padangnya tidak rata,” katanya.

Beberapa pemandu yang melalui jalan di sekitar Seksyen 31 juga mengeluh apabila kenderaan mereka terdedah kepada kerosakan kerana

sering terlanggar lubang dipenuhi air selepas hujan lebat.

Jamal Kadir, 40, berkata ia ibarat jerangkap samar kerana pemandu tidak menyedari ada lubang di jalan dilalui mereka kerana ditutupi air.

Katanya, banjir kilat yang sering berlaku kebelakangan ini juga mengakibatkan kerosakan sedia ada di beberapa jalan semakin teruk dan memerlukan pembaikan segera.